

# Tergendala sejak sebulan lalu: Status kerja bina longkang jadi tanda tanya

DENGKIL - Penduduk di Kampung Pulau Meranti 2 di sini tertanya-tanya dengan status projek penebatan banjir yang tergendala sejak sebulan lalu.

Sebelum ini kontraktor giat menjalankan kerja pengorekan jalan utama untuk membina saluran perparitan bawah tanah dengan jarak hampir 3km bagi mengatasi masalah banjir kerap berlaku di kampung itu.

Penduduk, Ramli Senin, 54, berkata, sejak projek dimulakan, pengguna terpaksa melalui jalan di tepi tapak projek yang berlopak-lopak.

"Kampung ni memang selalu banjir hingga menyebabkan kerja-kerja pembesaran saluran longkang terpaksa dilakukan pihak berkenaan.

"Kami hairan kerana projek ini terhenti sejak sebulan lalu dan ti-

dak tahu apa statusnya hingga kini," katanya.

Tambahnya, penangguhan projek menimbulkan kesulitan kepada penduduk.

Malah, katanya akibat lubang dikorek itu yang dibiarkan terdedah begitu sahaja menyebabkan tiga kenderaan pernah terbenam di dalamnya.

"Saya gusar tengok projek ni berhenti, ini bermakna lagi lamalah kami terpaksa guna jalan berlopak yang hanya ditutup dengan sisa binaan untuk keluar masuk ke kampung selain ke surau berdekatan.

"Apa yang saya tahu, projek ini terhenti kerana tunggu Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengalih-kabel bawah tanah," katanya.

Ramli berharap pihak berkenaan segera meneruskan projek itu dan tidak membiarkan penduduk



Kerja pembinaan yang tergendala sejak sebulan lalu menyebabkan penduduk mengalami kesukaran.

tertanya-tanya bila ia akan siap sepenuhnya.

Seorang pengguna, N Ravi, 51, berkata, akibat kerja-kerja tergendala

di tapak itu menyukarkannya memandu bas di laluan tersebut.

"Memang saya kena pandu perlahan dan perlu berhati-hati tapi bila

nak membelok agak susah sebab lubang yang dikorek masih belum ditutup, bimbang termasuk ke dalamnya," katanya.